

CABARAN DAN USAHA PENGEKALAN IDENTITI ETNIK BUMIPUTERA SIAM

Rozmalina Izwanita Mohamed^{1*}, Lee Yok Fee¹, Sarjit Singh A/L Darshan Singh¹ dan Mohd. Fauzi Fadzil²

¹Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400, UPM, Serdang, Selangor Darul Ehsan

²Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan Dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan

ABSTRAK

Identiti merupakan simbol yang penting dalam menonjolkan keunikan ciri-ciri budaya sesebuah kelompok etnik, di samping menjadi kayu ukur yang membezakan kumpulan etnik terutama kepada golongan minoriti. Identiti mampu mengukuhkan kedudukan sesebuah etnik dalam masyarakat Malaysia yang berbilang etnik dan agama. Sehubungan itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti sejauh manakah proses identifikasi etnik bumiputera Siam di Kampung Jambu sebagai orang Siam; menganalisis sejauhmanakah cabaran yang dihadapi oleh etnik bumiputera Siam dalam mengekalkan identiti etnik dan; menentukan sejauhmanakah usaha-usaha yang dilakukan oleh etnik bumiputera Siam untuk mengekalkan identiti mereka sebagai orang Siam di Malaysia. Seramai sembilan orang informan berketurunan Siam telah terlibat dalam kajian yang dijalankan di Kampung Jambu, Tumpat Kelantan. Data telah dikumpulkan secara kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengaruh budaya barat, pertukaran agama dan kekurangan minat dalam kalangan generasi muda menjadi cabaran kepada etnik bumiputera Siam untuk mengekalkan identiti. Usaha yang dilakukan oleh etnik bumiputera Siam untuk mengekalkan identiti mereka ialah melalui pengekalan seni bina, penubuhan sekolah bahasa Siam dan sambutan perayaan setiap tahun. Arus globalisasi tidak mengubah simbol identiti etnik bumiputera Siam sebaliknya diperkukuh dengan usaha yang pelbagai oleh komuniti etnik bumiputera Siam.

Kata kunci: identiti, masyarakat Siam, kajian kes, kebudayaan, keagamaan.

Challenge and Effort of Identity Recognition of Bumiputera Siam Ethnic

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mail:

rozmalinaizwanita@gmail.com (Rozmalina Izwanita Mohamed)

lee yok fee@upm.edu.my (Lee Yok Fee)

sarjit@upm.edu.my (Sarjit Singh A/L Darshan Singh)

unitedasian_idea@yahoo.com.my (Mohd. Fauzi Fadzil)

*Penulis penghubung

ABSTRACT

Identity is an important symbol in highlighting the uniqueness of certain ethnic cultural characteristics, besides being a measuring tool that differentiates ethnic groups especially to minorities. Identity have the ability to strengthen the position of

an ethnic in a multi-ethnic and multi-religious society such as Malaysian society. Hence, this study was conducted to identify the extent of the ethnic identification process of the Siamese bumiputera in Kampung Jambu; to analyze the extent of the challenges faced by Siamese ethnic in maintaining ethnic identity and; determine the extent of the efforts undertaken by Siamese ethnic to maintain their identity as Siamese in Malaysia. A total of nine Siamese informants were involved in this study conducted at Kampung Jambu, Tumpat Kelantan. Data were collected qualitatively using interview and observation methods. The findings show that influences of western cultural, religion exchanges and lack of interest of the younger generation are a challenge for the Siamese ethnic to maintaining thier identity. The efforts made by Siamese ethnic to maintain their identity are through the retention of architecture, the establishment of Siamese language schools and the celebration of the anniversary celebration. The current globalization does not change the symbol of Siamese ethnic identity but instead they are strengthening thier efforts towards maintaining Siamese ethnic identity among thier communities.

Keywords: Identity, Siamese community, Case studies, Culture, Religious.

PENGENALAN

Malaysia ialah sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang etnik yang terdiri daripada etnik Melayu, Cina, India serta kumpulan etnik lain termasuk etnik bumiputera Siam. Antara etnik minoriti yang kurang mendapat pendedahan ialah etnik bumiputera Siam. Jumlah etnik ini adalah sangat kecil iaitu hanya 60 000 daripada jumlah keseluruhan rakyat Malaysia. Jika dilihat jumlah etnik ini yang tinggal di negeri Kelantan pula, jumlah mereka ialah seramai 13,000 orang penduduk (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010).

Perdagangan, penyebaran agama dan penjajahan merupakan faktor yang membentuk kepelbagaian etnik di alam Melayu. Kepelbagaian ini menjadi asas kepada pembentukan tamadun Melayu pada masa silam, kini kepelbagaian tersebut masih wujud dalam konteks Malaysia. Walaupun asas kepelbagaian etnik wujud di Malaysia, namun dari segi konteks sosialnya wujud perbezaan dengan zaman tamadun Melayu silam. Perbezaan ini ialah perkara yang lumrah kerana sejarah ketamadunan manusia telah mencatatkan adanya satu rangkaian perubahan sosial yang berpanjangan (Hesti & Jamaluddin, 2012).

Kewujudan etnik yang pelbagai dalam konteks Malaysia menyaksikan berlakunya usaha untuk mengekalkan identiti etnik minoriti. Faktor globalisasi kepadatan komuniti lain memaksa etnik minoriti untuk berbuat demikian. Peranan komuniti sangat penting dalam memastikan bahawa usaha tersebut berjaya, komuniti berperanan dalam memastikan bahawa nilai dan norma murni dalam sesebuah masyarakat, terutama yang berkaitan dengan adat resam dan budaya terus dihormati dan terpelihara (Osman et al., 2009).

Kumpulan etnik bumiputera Siam merupakan salah satu komuniti minoriti yang mempunyai identiti mereka tersendiri. Kesedaran tentang kepentingan identiti dan budaya nenek moyang mereka tetap utuh dan berkembang walaupun mereka juga tidak dapat lari daripada berhadapan dengan isu globalisasi. Biarpun populasi etnik mereka sedikit, namun bumiputera Siam mampu mengekalkan kebudayaan dan identiti mereka dalam kelompok etnik lain yang dominan.

Kajian yang dilakukan sebelum ini berkaitan dengan etnik bumiputera Siam dalam konteks Malaysia hanya memberikan fokus kepada keindahan dan keunikan kebudayaan etnik tersebut tanpa mengaitkan kepentingan kebudayaan tersebut kepada identiti komuniti mereka (Mohamad Yusoff, 1996; Mohamad Yusoff, 2002; Sohaimi & Omar, 2010). Pengetahuan masyarakat Malaysia yang berlainan etnik berkenaan identiti bumiputera Siam yang masih cetek memberikan cabaran kepada golongan bumiputera Siam dalam mengukuhkan kedudukan dan mengekalkan identiti etnik mereka dalam masyarakat Malaysia. Penyelidik melihat kajian sarjana tempatan lebih menumpukan kebudayaan dan agama Buddha Theravada dalam kalangan etnik Siam di Malaysia sebagai identiti, namun usaha pengekalan identiti etnik tersebut dalam pemerhatian pengkaji masih kurang dikaji secara mendalam. Kekurangan tersebut dilihat oleh penyelidik sebagai jurang kajian yang perlu diisi oleh penulisan ini.

Justeru itu, kajian ini penting dijalankan bagi mengisi kekurangan kajian lepas tentang identiti etnik bumiputera Siam di Malaysia. Kajian ini mempunyai tiga objektif utama, iaitu mengenalpasti sejauhmanakah proses identifikasi etnik bumiputera Siam di Kampung Jambu sebagai orang Siam; menganalisis sejauhmanakah cabaran yang dihadapi oleh etnik bumiputera Siam dalam mengekalkan identiti etnik; dan menentukan sejauhmanakah usaha yang dilakukan oleh etnik bumiputera Siam untuk mengekalkan identiti mereka sebagai orang Siam dan orang Siam di Malaysia.

MASYARAKAT SIAM DALAM KONTEKS MALAYSIA

Masyarakat etnik bumiputera Siam adalah antara etnik yang kuat mempertahankan kebudayaan dan amalan tradisi nenek moyang mereka. Pengamalan agama Buddha Theravada membantu usaha pengukuhan kebudayaan dan amalan tradisi nenek moyang etnik bumiputera Siam (Mohamed Yusoff, 1993). Melalui pengamalan agama Buddha Theravada, etnik bumiputera Siam dapat membezakan diri mereka daripada etnik lain termasuk etnik Cina yang juga penganut agama Buddha. Simbol agama Buddha Theravada yang ditonjolkan di kawasan Wat jelas menunjukkan bahawa agama tersebut berkait rapat dengan identiti etnik bumiputera Siam di Kelantan (Mohamed Yusoff, 2002). Agama Buddha Theravada sangat penting dalam kalangan masyarakat Siam kerana ia menjadi asas kepada semangat perpaduan dalam kalangan etnik tersebut (Yoneo Ishii, 1993). Keadaan ini dapat dilihat dalam konteks etnik Cina yang berasimilasi dengan etnik majoriti di Thailand, proses asimilasi berlaku dengan jayanya kerana rumpun etnik mereka yang sama menyebabkan tidak berlakunya rintangan dari segi agama antara kedua-dua etnik tersebut (Comber, 2007).

Terdapat hampir 20 buah Wat yang dibina Kelantan, situasi ini menjadikan Kelantan sebagai negeri yang kedua tertinggi dari segi pembinaan Wat selepas negeri Kedah (Kosmo, 2014). Namun, perbezaan agama antara etnik bumiputera Siam dengan etnik lain, terutama etnik majoriti Melayu bukanlah faktor penghalang untuk mereka hidup dengan aman dan damai, malah mereka dapat berkongsi kawasan tempat kerja dan aktiviti harian sama ada dalam bidang politik, ekonomi mahupun sosial. Aktiviti harian yang sama dilakukan etnik bumiputera Siam dengan etnik sama ada secara langsung dan tidak langsung membolehkan mereka saling berinteraksi dan memahami tentang cara hidup masing-masing dengan lebih mendalam (Zuriati & Engku Ahmad Zaki, 2011).

Masyarakat etnik bumiputera Siam juga bijak menyusun strategi ekonomi. Mereka cuba untuk mengelakkan sebarang persaingan perniagaan malah jika berlaku juga

persaingan maka ia adalah persaingan secara sihat (Golomb, 1978). Jika dilihat dari segi seni kebudayaan pula, berlaku proses percampuran seni budaya etnik bumiputera Siam dengan etnik Melayu tempatan. Sebagai contoh seni persembahan Mok Yong telah mengalami penyerapan elemen kesenian Menora dari segi dialog, alunan muzik dan pelakon. Kesenian menora merupakan salah satu identiti kebudayaan atau produk yang dimiliki oleh masyarakat bumiputera Siam (Farok, 2011). Pakaian merupakan salah satu elemen penting dalam persembahan menora kerana ia menunjukkan identiti masyarakat Siam, pakaian menora adalah berbeza daripada pakaian tarian lain kerana pakaian menora seakan-akan pakaian diraja (Chahyono, 1997).

Menora turut dipertuturkan dalam bahasa Melayu loghat Kelantan (Baharin, Hanapi & Mohamad Nazri, 2011). Pergaulan antara etnik Melayu dengan etnik bumiputera Siam sedikit sebanyak telah mempengaruhi corak pantang larang masyarakat bumiputera Siam (Mahadee, 1999). Perkampungan etnik bumiputera Siam hampir sama dengan keadaan persekitaran perkampungan milik etnik Melayu, namun apabila diperhatikan secara teliti terdapat perbezaan dari segi seni bina dan struktur bangunan dan rumah. Perbezaan paling ketara ialah etnik bumiputera Siam meletakkan wat kecil mereka di luar kawasan rumah (Mohd Hafifi & Hanapi, 2011).

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk kajian kes untuk menerangkan dan menganalisa “*culture sharing*” masyarakat bumiputera Siam seperti kebudayaan, bahasa, tingkah laku, interaksi dan gaya hidup dalam masyarakat. Teknik temu bual tidak formal, pemerhatian dan catatan nota ringkas digunakan semasa membuat kajian lapangan. Teknik persampelan untuk kajian ini ialah teknik pensampelan bertujuan. Terdapat empat kriteria yang ditetapkan oleh kajian ini untuk informan dengan menggunakan pensampelan bertujuan, iaitu:

- (i) etnik bumiputera Siam yang masih menetap di Kampung Jambu
- (ii) berumur 15 tahun dan ke atas
- (iii) kesudian informan untuk bercakap tentang pemahaman mereka tentang identiti, siapakah mereka dan bagaimana informan melihat diri mereka sebagai bumiputera Siam di Malaysia
- (iv) kesediaan informan untuk dihubungi untuk proses temu bual susulan.

Untuk mendapatkan data menggunakan temu bual tidak formal, teknik temu bual semi berstruktur dan tidak berstruktur telah digunakan. Telefon bimbit yang berkapasiti tinggi digunakan untuk merakam perbualan yang berlaku antara penyelidik dengan informan semasa proses temu bual dilakukan. Terdapat cabaran dari segi komunikasi semasa proses temu bual dijalankan, iaitu kebanyakan informan hanya memahami bahasa Malaysia dalam dialek Kelantan berbanding dengan bahasa Malaysia baku. Penyelidik mendapatkan bantuan daripada ketua kampung sebagai jurubahasa semasa proses temu bual dijalankan. Data daripada informan kajian ini mencapai tahap tepu pada bilangan informan yang kesembilan.

Penyelidik turut menjalankan pemerhatian turut serta terhadap aktiviti harian yang dijalankan oleh penduduk kampung untuk mendapatkan data kajian. Penyelidik telah dijemput oleh penduduk kampung dan berpeluang untuk sama-sama meraikan beberapa perayaan masyarakat tempatan seperti perayaan Kathina, pesta Loy Krathong dan

Songkran. Masa yang diambil untuk pengumpulan data dalam kajian ini ialah selama enam bulan. Penyelidik telah tinggal di rumah Tok Ketua Kampung selama enam bulan bermula pada hujung Ogos sehingga pertengahan Februari. Kajian ini dilakukan ke atas komuniti bumiputera Siam di Kampung Jambu, Tumpat Kelantan. Terdapat lebih kurang 80 buah keluarga dengan 300 orang penduduk yang mendiami perkampungan tersebut.

MASYARAKAT SIAM DAN IDENTITINYA

Hasil daripada temu bual bersama informan, penyelidik mendapati bahawa agama Buddha mazhab Hinayana atau lebih dikenali dengan agama Buddha Theravada merupakan salah satu daripada identiti etnik bumiputera Siam. Terdapat persamaan antara agama Buddha Theravada dengan agama Buddha yang dianuti oleh masyarakat Siam di Thailand dari segi kandungan amalan ritual. Informan juga mengatakan bahawa agama Buddha Theravada merupakan agama yang dianuti oleh mereka secara majoriti. Perkara ini membezakan etnik bumiputera Siam dengan etnik lain di Malaysia, sebagai contoh etnik Cina yang sinonim dengan agama Buddha turut memperlihatkan individu dari etnik tersebut menganuti agama lain seperti Islam dan Kristian namun perkara ini jarang berlaku dalam kalangan etnik bumiputera Siam. Informan turut mengatakan bahawa 99% penduduk kampung mereka merupakan penganut agama Buddha Theravada dan akan terus kekal menganuti agama yang dibawa oleh nenek moyang mereka. Setiap rumah yang dilawati oleh pengkaji terdapat satu sudut yang disediakan khas untuk sembahyang dan sembah imej Buddha yang dipanggil *hing prak*, mereka menyediakan tempat khas untuk diletakkan imej/ patung Buddha untuk tujuan penyembahan jika mereka tidak berkesempatan untuk pergi ke Wat.

Seni tarian turut menjadi kebanggaan dalam kalangan informan, seni tarian klasik lilin (*fawn tian*), tarian rama-rama (*fawn marn gumm ber*) serta tarian gembira (*fawn marn mong kol*) turut menjadi salah satu daripada lambang identiti etnik bumiputera Siam mengikut pandangan informan. Menurut informan yang ditemu bual, mereka mengatakan bahawa kampung mereka juga turut memiliki pasukan Menora. Persembahan Menora dan tarian klasik sering dilakukan apabila ada pesta atau perayaan yang disambut oleh masyarakat Siam seperti dalam majlis perkahwinan dan kematian. Seni persembahan Menora merupakan satu bentuk dramateri yang bukan sahaja untuk hiburan semata-mata tetapi juga untuk pengubatan, upacara membayar niat dan pemujaan roh. Persembahan ini mengekalkan keasliannya dari segi penggunaan bahasa Siam, terutama semasa menyebut mantra dan nyanyian. Seni tarian lazimnya akan dipertunjukkan di dalam kawasan Wat yang lapang agar dapat menarik minat lebih banyak penonton etnik bumiputera Siam serta etnik lain.

Menurut informan yang ditemui, kebanyakan perayaan mereka berkait dengan agama Buddha. Sambutan perayaan etnik orang Siam disusun mengikut kalendar lunar Siam yang bermula dengan *Makha Puja* dan akan diakhiri dengan perayaan *Loy Krathong*. Perayaan yang berunsurkan keagamaan memerlukan mereka melakukan amalan ritual dalam menyambutnya. Etnik bumiputera Siam yang tinggal di bandar turut menyambut perayaan tersebut di Wat berhampiran mereka. Sambutan perayaan *Songkran* dan *Loy Krathong* telah menjadi salah satu acara penting yang dimasukkan dalam kalendar pelancongan negeri Kelantan, malah ia diterima baik oleh etnik lain sekali gus menjadi sebagai platform untuk etnik bumiputera Siam memperkenalkan kepelbagaian budaya dan adat resam mereka kepada etnik lain. Sambutan perayaan yang diadakan disesuaikan dengan ciri-ciri tempatan seperti menggunakan bahasa Melayu

dalam dialek Kelantan, terutama dalam seni persembahan. Etnik bumiputera Siam mengambil inisiatif dengan mengundang penduduk etnik Melayu setempat untuk turut meraikan perayaan bersama mereka.

Informan turut mengatakan bahawa mereka cuba untuk mengekalkan pemakaian baju tradisional dalam kalangan masyarakat mereka. Walaupun di perkampungan mereka sememangnya sukar untuk melihat etnik bumiputera Siam memakai pakaian tradisional Siam pada hari-hari biasa, namun mereka digalakkan memakai pakaian tersebut apabila ada majlis perkahwinan atau pertunjukan. Informan juga masih kekal memakai kain sarung dan kain pelikat yang telah menjadi adat untuk diri mereka apabila berada di rumah, malah terdapat sesetengah golongan tua yang lebih suka berkemban dengan pemakaian kain sarung sahaja. Apabila informan pergi ke pasar dengan pakaian seperti kain sarung dan baju biasa, lazimnya peniaga sudah mengenali bahawa mereka merupakan etnik bumiputera Siam.

Data yang diperoleh juga menunjukkan bahawa majlis perkahwinan bumiputera Siam di Malaysia adalah hampir sama dengan etnik Melayu seperti merisik, bertunang dan bernikah namun terdapat sedikit perbezaan dari segi pengamalan adat. Informan yang ditemui menceritakan bahawa sebelum majlis perkahwinan dilangsungkan, pasangan yang ingin berkahwin perlu menemui individu yang paling tua dan dihormati dikenali sebagai *Tok Moh*.

Informan turut mengatakan bahawa institusi Wat turut mengambil inisiatif mengajar bahasa Siam kepada generasi muda, khususnya yang kurang fasih dalam pertuturan. Informan berpendapat bahawa etnik bumiputera Siam perlu fasih bertutur bahasa Siam walaupun hanya dalam bahasa Siam dialek. Bahasa Siam dialek *Che'eh* merupakan slanga atau pelat bahasa Siam yang dipertuturkan oleh masyarakat bumiputera Siam di Kelantan.

Informan yang ditemui melihat status bumiputera yang diberikan kepada mereka oleh pihak kerajaan Malaysia merupakan pengiktirafan terhadap kewujudan etnik mereka. Pemilikan kad pengenalan Malaysia dapat membuka mata masyarakat luar untuk membezakan etnik bumiputera Siam dengan masyarakat Siam yang tinggal di Thailand. Menurut informan, pengiktirafan sebagai etnik bumiputera yang diberikan menunjukkan bahawa mereka diterima baik dan dihargai sebagai penduduk asal yang menetap di Malaysia selain dapat dijadikan sebagai identiti untuk membezakan etnik bumiputera Siam Malaysia dengan etnik Siam Thailand.

CABARAN MENGEKALKAN IDENTITI ETNIK SIAM

Hasil temu bual bersama informan, majoriti mereka mengatakan bahawa pengaruh budaya Barat dalam kalangan masyarakat bumiputera Siam menjadi cabaran utama kepada usaha pengekalan identiti bumiputera Siam dalam kalangan masyarakat mereka. Budaya pemakaian yang mencolok mata adalah tidak sesuai dan tidak mencerminkan identiti budaya etnik mereka yang lebih kepada ketimuran dan sopan. Perkara ini dapat dilihat melalui pemakaian 'skirt' yang singkat dan sendat adalah tidak sesuai dengan budaya etnik bumiputera Siam yang menerapkan pemakaian yang sopan dalam kehidupan seharian mereka. Informan turut mengatakan bahawa sebelum era globalisasi yang pesat berubah, masyarakat wanita bumiputera Siam khususnya, lebih gemar mengenakan pakaian seperti kain sarung dan seluar batik apabila di rumah namun kini generasi muda dilihat lebih gemar mengenakan pakaian seperti seluar pendek dan baju singlet yang di anggap tidak sesuai dengan budaya kehidupan seharian mereka.

Data yang diperoleh turut menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Inggeris dalam pertuturan seharian turut menjadi cabaran kepada etnik bumiputera Siam untuk mengekalkan penggunaan dialek Che'eh dalam pertuturan dan bahasa Sanskrit dalam pembacaan doa dan mantra dalam kehidupan seharian mereka. Generasi muda dalam kalangan etnik bumiputera Siam kini lebih mementingkan penggunaan bahasa Inggeris dan dialek Melayu Kelantan semasa berkomunikasi sesama mereka. Malah, apabila bertutur di rumah bersama ahli keluarga, generasi muda dalam kalangan etnik bumiputera Siam menggunakan bahasa yang bercampur dengan bahasa Inggeris.

Cabaran lain yang dihadapi oleh informan dalam isu pengekalan identiti ialah pertukaran agama dalam kalangan etnik bumiputera Siam. Informan mengatakan bahawa semakin ramai etnik bumiputera Siam yang meninggalkan agama Buddha Theravada dan memeluk agama lain seperti agama Islam, terutama dalam kalangan generasi muda. Isu pertukaran agama tersebut lazimnya berkait rapat dengan perkahwinan campur yang sering berlaku dalam kalangan etnik bumiputera Siam. Generasi tua dalam kalangan etnik bumiputera Siam bimbang anak-anak mereka beralih bertukar agama diakibatkan oleh perkahwinan dengan pasangan pilihan mereka. Pertukaran agama secara tidak langsung akan menimbulkan kecelaruan identiti dan budaya kepada anak cucu mereka. Generasi muda dalam kalangan etnik bumiputera Siam dianggap sebagai etnik lain selepas menukar agama menurut pandangan informan. Lazimnya apabila beralih kepada agama lain, maka adat tradisi yang bertentangan dengan agama tersebut harus ditinggalkan dan tidak diamalkan lagi.

Menurut informan, rata-rata generasi muda etnik bumiputera Siam kini lebih gemar kepada hiburan yang dipengaruhi dengan budaya Barat. Generasi muda dalam kalangan etnik bumiputera Siam dilihat tidak begitu tertarik dan berminat dengan kegiatan seni tradisional etnik mereka. Malah, informan yang ditemui turut menyuarakan kebimbangan kepada ibu bapa yang tidak begitu memberikan perhatian dan menitikberatkan kepentingan dengan kegiatan seni tradisional etnik bumiputera Siam kepada anak-anak mereka. Kebanyakan ibu bapa dalam kalangan etnik bumiputera Siam memberikan kebebasan kepada anak-anak mereka dalam memilih hiburan menyebabkan budaya Barat mudah meresapi jiwa mereka.

USAHA MENGEKALKAN IDENTITI ETNIK BUMIPUTERA SIAM

Seni binaan Wat atau Ketik (panggilan Wat oleh penduduk kampung) ialah salah satu usaha pengekalan yang dilakukan oleh mereka. Konsep dan reka bentuk dalam pembinaan wat ialah gabungan seni bina tempatan dan Siam. Etnik bumiputera Siam yang berpegang teguh kepada agama dan adat menganggap Wat ialah rumah ibadat yang paling suci dan tempat yang paling sesuai untuk melakukan amalan ritual dan amal ibadat. Seni bina pintu gerbang, dewan syarahan utama dan kediaman Tok Raja (penghulu kampung) dilihat dipengaruhi dengan kesenian Selatan Thai dari Nakhon Si Thammarat. Pintu gerbang masuk Wat juga dihias dan diukir dengan tulisan bahasa Sanskrit. Menurut informan lagi, pembinaan wat tersebut bertujuan untuk memberikan kesedaran dan kefahaman yang lebih mendalam tentang ajaran agama Buddha dan menjadi simbolik bahawa Buddha selalu berada, di samping kita. Keindahan seni bina wat yang diadaptasikan daripada seni bina Wat di Thailand dijaga dengan baik oleh para Bikhu/ sami Buddha.

Penubuhan sekolah bahasa Siam juga merupakan usaha dalam mengekalkan identiti etnik bumiputera Siam. Menurut informan, dengan adanya sekolah bahasa Thai

Photivihan, maka generasi muda dapat mempelajari bahasa Siam sekali gus mempraktikkannya dalam kehidupan seharian mereka. Selain itu, secara tidak langsung, kewujudan sekolah bahasa Siam dapat menajamkan kemahiran anak-anak mudah Siam agar fasih dengan lancar dalam bahasa Siam. Ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah bahasa Thai Photivihan bertujuan mempelajari tulisan Pali dan bertutur dalam bahasa Siam dialek Che'eh, yakni bahasa Siam mereka yang telah diadaptasikan dengan ciri-ciri tempatan. Berdasarkan pemerhatian dan hasil temu bual bersama informan, penyelidik melihat kewujudan sekolah bahasa Thai adalah mampu memberikan kesedaran kepada etnik bumiputera Siam untuk mempertahankan budaya dan bahasa mereka. Hasil daripada pendidikan di sekolah bahasa Thai Photivihan, penyelidik melihat masyarakat Kampung Jambu sangat mementingkan pertuturan menggunakan bahasa Thai dialek dalam kehidupan seharian mereka.

Usaha seterusnya yang dilakukan oleh informan untuk mengekalkan identiti mereka ialah dengan mengadakan sambutan tahunan terhadap perayaan seperti Songkran, Loy Krathong, Kathina. Menurut informan, acara yang dipersembahkan dalam sambutan perayaan seperti menora, tarian tradisional dan pertandingan ratu cantik dapat memelihara kebudayaan mereka dan pada masa yang sama dapat memperkenalkan kebudayaan mereka kepada etnik lain. Informan mengatakan bahawa apabila masyarakat etnik lain berfikir tentang pesta simbah air, maka mereka akan mengaitkan dengan etnik bumiputera Siam.

KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan bahawa etnik bumiputera Siam masih mengekalkan elemen agama sebagai simbol utama dan terpenting untuk etnik mereka. Namun begitu, elemen lain seperti bahasa dan perayaan juga dilihat mampu menonjolkan keunikan etnik bumiputera Siam dan mempunyai kekuatan tersendiri dalam mengukuhkan kedudukan simbol tersebut dalam masyarakat yang berbilang bangsa dan agama. Masyarakat bumiputera Siam perlu sentiasa memelihara institusi Wat yang menjadi platform pemeliharaan identiti etnik mereka. Kajian ini boleh dikembangkan pada masa hadapan dengan mengadakan kajian perbandingan identiti antara masyarakat bumiputera Siam di Kelantan dengan bumiputera Siam di Kedah. Melalui kajian perbandingan ini, maka identifikasi identiti etnik bumiputera Siam secara lebih luas dapat dilakukan.

RUJUKAN

- Baharin, I., Hanapi, D. & Mohamad Nazri, A. (2011). Tradisi Bercerita Siam di Kelantan: Satu Analisa Fungsi Cerita. *Jurnal Melayu*, 8, 207-232.
- Comber, L. (2007). Peristiwa 12 Mei: Sejarah Perhubungan Melayu-Cina. Petaling Jaya IBS Buku Sdn Bhd.
- Farok, Z. (2011). Komersialisasi Menora. In: Hanapi Dollah. Warisan Seni Budaya Siam Kelantan. Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.
- Golomb, L. (1978). Brokers of Morality: Thai Ethnic Adaptation in a Rural Malaysian Setting. *Asian Studies at Hawaii*, No. 23, 145-158.
- Hesti, A. & Jamaluddin, M. J. (2012). Inequality dan perubahan Persekitaran. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 30 (1). pp. 159-169.
- Ishii, Y. (1993). Sejarah Sangha Thai: hubungan Buddhisme Dengan Negara Dan Masyarakat, terjemahan Mohamed Yusoff Ismail. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia. Jabatan Perdana Menteri.
- Kosmo (2014). Persamaan Budaya Melayu- Siam. Di muat turun di http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=1221&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm.
- Mahadee, M. I. (2008). Adaptasi Sosial Masyarakat Thai Buddha Di Tanah Merah, Kelantan. In Sarjit. S.Gill & Lee Yok Fee (eds). Masyarakat dan Kepelbagaian Sosial di Malaysia. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Mohamed Yusoff, I. (1996). Pengaruh Siam dan Buddha Terhadap Sistem Kepercayaan Tradisional Orang Melayu Kelantan. *Akademika*, 23 – 37.
- Mohamed Yusoff , I. (2002). Pengekalan Identiti Masyarakat Minoriti Thai Di Kelantan. In: Rahimah Abd. Aziz & Mohamed Yusoff Ismail (eds) Masyarakat, budaya dan Perubahan. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohamed Yusoff, I. (1993). Buddhism and Ethnicity: Social Organization of a Buddhist Temple in Kelantan. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Mohd Hafifi, H. N. & Hanapi, D. (2011). Seni Budaya. In: Hanapi Dollah. Warisan Seni Budaya Siam Kelantan. Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur.
- Chahyono, M. D. (1997). Economical Function of The Performing Arts In The Ancient Jaw And Bali Societies (Ix-Xi A.D). SEAMEO SPAFA Symposium on History of Arts in South East Asia, 17-24 June 1997, Kuala Lumpur: Akademi Seni Kebangsaan, Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia.
- Osman, B., Azizan, B. & Zaid, A. (2009). Modul Pengajian Tamadun Islam Dan Tamadun Asia. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Sohaimi, A. A. & Omar, Y. (2010). Perkembangan Identiti Etnik Peranakan Samsam Islam : Satu Kajian Kes Seorang Dalang Wayang Gedek di Kedah. *Sari - International Journal of the Malay World and Civilization* , 83 - 107.
- Zuriati , M. R. & Engku Ahmad Zaki, E. A. (2011). Social Interaction among Muslims and Buddhists in Kampung Tendong, Pasir Mas, Kelantan, Malaysia. *International Journal of Business and Social Science*, 72-83.